

Headline	Hidupkan hutan paya gambut		
MediaTitle	Sinar Harian (Johor)		
Date	14 Mar 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	21	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	402 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,816
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,448



# Hidupkan hutan paya gambut

**Kebakaran pada 2014 tidak dibiarkan sepi, terus pelihara khazanah alam**

NURALINA HASSAN

BAKRI

**K**ebakaran Hutan Simpan Paya Gambut Ayer Hitam pada 2014 yang memusnahkan satu-satunya hutan paya gambut tropika di negeri ini tidak dibiarkan sepi apabila usaha memelihara dan memulihara khazanah alam giat dijalankan.

Penghulu Mukim Ayer Hitam, Mohd Afezan Yahya berkata, hutan seluas 3.8 hektar terletak dalam mukim Ayer Hitam, di sini, diberi nafas baharu melalui program penanaman pokok oleh Coca-cola Malaysia bersama NGO, Yayasan Kemanusiaan Muslim Aid Malaysia (Muslim Aid) dan Institut



Sebahagian komuniti dan kakitangan Coca-Cola yang bekerjasama menanam pokok tenggek burung dan pokok remin bagi memelihara dan memulihara Hutan Simpan Paya Gambut Ayer Hitam.

**Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Prim).**

Katanya, Back To Nature 2.0 diadakan kali kedua selepas kejayaan siri pertama tahun lalu.

"Aktiviti ini melibatkan beberapa fasa dan jenis penanaman pokok pula berbeza-beza. Bagi fasa pertama sebelum ini, kita tanam

200 pokok tenggek burung dan pokok spesies tempatan iaitu kelat paya (*syzygium campanulatum*) hampir 100 batang. Pokok ini dipilih kerana tumbuhan itu sesuai ditanam di tanah paya gambut selain mengeluarkan bunga berpotensi menarik kehadiran burung.

"Kali ini, 110 pokok melibatkan

pokok tenggek burung dan pokok remin yang merupakan spesies hutan ditanam di kawasan itu," katanya ketika ditemui.

Beliau berkata, tarikan pelbagai habitat di hutan berkenaan diyakini mampu merangsang hidupan lain termasuk mengindahkan suasana flora dan fauna

**info** ● Ayer Hitam lokasi di mana terdapat satu-satunya hutan paya gambut di

Johor

hutan simpan.

"Kita berusaha kekalkan khazanah berkenaan lantaran kewujudan hutan simpan dilihat semakin terancam. Kita tidak mahu kejadian kebakaran yang berlaku beberapa tahun lalu dibiarkan menjadi punca kepada kehilangan aset berharga ini," katanya.

Mohd Afezan berkata, sebelum ini, dua projek sekatan air tambahan dibina di hutan terabit dan ia telah pun siap bagi menghalang kebakaran berlaku lagi.

Terdahulu, aktiviti turut disertai Pengarah Komunikasi dan Perhubungan Awam Coca-Cola, Kadri Taib; Pengerusi Lembaga Muslim Aid, Habsah Marjuni serta hampir 150 individu terdiri daripada kakitangan Coca-Cola dan golongan komuniti bekerjasama menanam anak pokok terabit.